

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

SOALAN NO. 122

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada perkembangan hospital-hospital swasta boleh mempercepatkan penghijrahan doktor pakar dari hospital Kerajaan ke sektor swasta. Apakah penyelesaian Kementerian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil maklum mengenai perkembangan hospital-hospital swasta di negara kita. Di Kementerian Kesihatan Malaysia, peningkatan bilangan pakar perubatan setiap tahun adalah lebih tinggi berbanding dengan kadar peletakan jawatan pakar perubatan. Kementerian telah menyediakan pelbagai pakej untuk mengekalkan pakar perubatan untuk terus berkhidmat dengan KKM dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Ini terbukti apabila buat masa ini terdapat seramai 4,522 orang pakar perubatan berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia berbanding hanya 2,903 orang dan 410 orang pada 10 dan 20 tahun yang lalu.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif untuk mengelakkan masalah penghijrahan di kalangan Pegawai Perubatan Pakar ke sektor swasta. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mempergiatkan usaha dalam merapatkan jurang pendapatan Pegawai Perubatan Pakar yang berkhidmat di sektor swasta dengan yang berkhidmat di sektor awam.

NO SOALAN : 122

Antara langkah penyelesaian yang telah dilaksanakan untuk memastikan Pegawai Perubatan Pakar terus kekal berkhidmat di hospital Kerajaan adalah seperti berikut:

- i. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar Gred UD54 dan ke atas yang telah diwartakan sekurang-kurangnya 4 tahun serta memenuhi syarat-syarat tertentu diberi kelonggaran satu (1) hari seminggu dalam tempoh waktu bekerja rasmi untuk melaksanakan Waktu Kerja Fleksi berkuat kuasa 1 Januari 2018 seperti mana yang diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2018;
- ii. Membenarkan Pegawai Perubatan Pakar membuat lokum di hospital swasta dengan syarat-syarat tertentu;
- iii. Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes Pembedahan pada hari cuti hujung minggu untuk mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif akan diberi elaun sebanyak RM200 sejam;
- iv. Memperkenalkan *Full Paying Patient* (FPP) di Hospital KKM di mana Pegawai Perubatan Pakar boleh menjana sumber pendapatan tambahan dengan menawarkan perkhidmatan kepada pesakit yang berkemampuan untuk membayar kos penuh perubatan di hospital yang melaksanakan FPP. Selain itu, pesakit juga mempunyai pilihan untuk mendapatkan penjagaan rawatan di hospital kerajaan yang terpilih dengan kelebihan-kelebihan tertentu;
- v. Kenaikan pangkat Pegawai Perubatan Pakar lebih cepat mengikut tempoh Pakar tersebut berkhidmat di KKM (*time based promotion*) mulai 9 Mac 2010. Bagi kenaikan pangkat Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan yang telah diwartakan sebagai Pakar dan telah berkhidmat selama 9 tahun, mereka boleh dipertimbangkan ke Gred UD54;

NO SOALAN : 122

- vi. Menambah baik peluang kenaikan pangkat Pakar Perubatan dengan mewujudkan Gred Pakar UD56. Antara kriteria yang perlu dipenuhi untuk kenaikan pangkat ini ialah pegawai telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan dan berada atas Gred UD54 bagi tempoh tidak kurang daripada 5 tahun;
- vii. Memberi peluang kepada Pegawai Perubatan Pakar melanjutkan pelajaran dalam bidang sub kepakaran;
- viii. Peluang latihan di luar negara bagi kursus jangka pendek;
- ix. Menambah baik Bayaran Insentif Pakar daripada lingkungan RM1,400.00 hingga RM2,400.00 kepada lingkungan RM1,900 kepada RM3,100.00 mulai 1 Januari 2009. Peningkatannya adalah sebanyak RM500.00 hingga RM700.00;
- x. Menambah baik kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (EKLWBB) (*Active Call*) bagi Pegawai Perubatan Pakar iaitu RM230 pada hari bekerja dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am; dan
- xi. Memperkenalkan Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pegawai Perubatan Pakar yang bertugas di fasiliti kesihatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuat kuasa 1 Julai 2016. Kadar bayaran adalah dalam lingkungan RM500.00 hingga RM2,000.00 bagi kawasan bandar dan dalam lingkungan RM1,000.00 hingga RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.